8.	Bengkel Pemurnian Laporan Semakan Garis Panduan Pelesenan Negeri Pahang	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran 2. Pem. Tadbir (P/O)	Meningkatkan prestasi mutu kerja dalam isu-isu berkaitan pelesenan
9.	Seminar Bijak Kewangan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Tahun 2022	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Akauntan 2. Pem. Tadbir (Kew)	Meningkatkan pengetahuan berkaitan pengurusan kewangan untuk peribadi dan orang ramai

10.	Program <i>Sharing HRMIS Application Knowledge &amp; Experience (SHARE)</i> Siri 1 Tahun 2022 – Modul Myportfolio	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Tadbir 2. Pem. Tadbir (P/O)	Pengurusan kerja lebih teratur dan berkesan.
11.	Kursus Reka Bentuk Dan Pembinaan Tapak Pelupusan	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran 2. Pem. Kesihatan Awam	Meningkatkan kompetensi petugas perkhidmatan pelanggan
12.	<i>Executive Talk:</i> Perancangan Wilayah	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Perancang Bandar	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
13.	Seminar <i>Awareness</i> Analitis Data Raya Kerajaan Negeri Pahang 2022	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Teknologi Maklumat	Memantapkan keberkesanan perkhidmatan pelanggan
14.	Seminar Liabiliti Korporat Dan Mekanisme Berkesan Untuk Memerangi Rasuah : ISO 37001 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Akauntan 2. Peg. Teknikal 3. Pem. Penguatkuasa	Meningkatkan prestasi mutu kerja dan memantapkan keberkesanan perkhidmatan pelanggan
15.	Kursus Pengauditan Dan <i>Star Rating</i> Tandas Awam Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Zon Timur	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran 2. Pem. Kesihatan Awam 3. Pem. Awam	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
16.	Kursus Kaedah Fotografi Forensik Dalam Pemeriksaan Premis Makanan	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran 2. Pem. Kesihatan Awam	Meningkatkan prestasi mutu kerja dalam isu-isu berkaitan pelesenan
17.	Kursus Manual Pembersihan Tandas Awam Bagi PBT Zon Timur	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran 2. Pem. Kesihatan Awam 3. Pem. Tadbir (P/O) 4. Pem. Awam	Meningkatkan pengetahuan berkaitan manual pembersihan tandas awam untuk dipraktikkan dalam kerja harian
18.	<i>One-Day Technical Seminar For Protection Relay In Electrical Protection System And Power Quality Solutions</i>	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Jurutera (Elektrik)	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
19.	Sesi Eksekutif: <i>Negotiating</i> Bicara <i>Of</i>	Pembangunan	Kursus	1. Pen. Arkitek	Menambah ilmu dan meningkatkan

	<i>Ageing, Cultural Landscape Adaptation To The Prospect Of A Long Life</i>	n Modal Insan			Landskap 2. Pem. Awam	kompetensi petugas perkhidmatan pelanggan
20.	Kursus Penyediaan Rancangan Pemajuan	Pembangunan Modal Insan	Kursus		Pen. Peg. Perancang Bandar	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
21.	Kursus <i>Effective Communication</i> Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2022	Pembangunan Modal Insan	Kursus		Semua Kakitangan Profesional & Sokongan	Memantapkan keberkesanan perkhidmatan pelanggan
22.	Bengkel Pemantapan Pegawai Integriti Jabatan Dan Agensi Negeri Pahang	Pembangunan Modal Insan	Kursus		1. Pen. Akauntan 2. Pem. Akauntan	Meningkatkan prestasi mutu kerja dan memantapkan keberkesanan perkhidmatan pelanggan
23.	Program Pembangunan Infrastruktur Data Geospatial (GDI) Negeri Pahang	Pembangunan Modal Insan	Kursus		Pen. Peg. Perancang Bandar	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
24.	Bengkel Pewartaan Tanah Lapang Awam Negeri Pahang Bil 1/2022	Pembangunan Modal Insan	Kursus		Pen. Peg. Perancang Bandar	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
25.	Bengkel Semakan Dan Verifikasi Data Gunatanah Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-Plan) Bil. 1/2022	Pembangunan Modal Insan	Kursus		Pen. Peg. Perancang Bandar	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
26.	<i>"Sharing Session On Cyber-Security For Smart Cities"</i>	Pembangunan Modal Insan	Kursus		1. Pen. Peg. Perancang Bandar 2. Peg. Teknikal	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
27.	Bengkel Kajian Keperluan Pengguna Untuk Pembangunan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA)	Pembangunan Modal Insan	Kursus		1. Pen. Akauntan 2. Pem. Akauntan	Menambah ilmu dan meningkatkan kompetensi petugas perkhidmatan pelanggan
28.	Kursus Pemahaman Bahagian V Akta 172 (Akta Perancangan Bandar Dan Desa) : Caj Pemajuan	Pembangunan Modal Insan	Kursus		Pen. Peg. Perancang Bandar	Untuk makluman dalam mengambilkira ulasan sesuatu kelulusan pembangunan sebelum pertimbangan kelulusan
29.	Program Ihya Ramadan : Integriti Dalam Ramadan Siri I & 2	Pembangunan Modal Insan	Kursus		Semua Kakitangan Profesional & Sokongan	Menambah ilmu dan memantapkan sahsiah diri pekerja
30.	Urban Talk Ramadan : Kekayaan Bukan Tanda	Pembangunan	Kursus		Semua Kakitangan	Menambah ilmu dan memantapkan



	Kemuliaan, Bukan Tanda Kehinaan	n Modal Insan		Profesional & Sokongan	sahsiah diri pekerja
31.	Taklimat Penyelarasan Pelaksanaan Kempen Pencegahan Denggi Di Kawasan PBT Bagi Tahun 2022	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran 2. Pem. Kesihatan Awam	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
32.	Kursus Pengurusan Emosi Dan Spiritual Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Tahun 2022	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Semua Kakitangan Profesional & Sokongan	Menambah ilmu dan memantapkan sahsiah diri pekerja
33.	Bicara Eksekutif : Kepentingan Pembangunan Bandar Mampu Bagi Menangani Masalah Perubahan Iklim	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Perancang Bandar	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
34.	Taklimat Pengenalan Modul Garis Panduan Pasar Sejahtera Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) - Zon Timur	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran 2. Pem. Kesihatan Awam	Meningkatkan pengetahuan untuk dipraktikkan dalam kerja harian
35.	Program Bicara Integriti : Istiqamah Kunci Kejayaan Hidup	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Semua Kakitangan Profesional & Sokongan	Menambah ilmu dan memantapkan sahsiah diri pekerja
36.	Program Sebaran Rancangan Pemajuan Nasional (RPN) Bagi Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) Dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPFDN 2030) Bagi Zon Tengah Dan Timur	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Perancang Bandar	Untuk maklumat dalam mengambilkira ulasan sesuatu kelulusan pembangunan sebelum pertimbangan kelulusan
37.	Sistem Binaan Berindustri (Industrialised Building System, IBS) Dan Inovasi Pembinaan	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Juruteknik	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
38.	Kursus Teknikal Sistem ePBT 2.0 Siri 2	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Teknologi Maklumat	Memantapkan keberkesanan perkhidmatan pelanggan
39.	Kursus Xeriscape - Formasi Terrarium	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Arkitek Landscape	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
40.	Program Pendidikan Dan Pemerkasaan Komuniti Tahun 2022 Majlis Bandaraya Kuantan	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pem. Penilaian	Menambah ilmu dan memantapkan sahsiah diri pekerja
41.	Bengkel Pemurnian Draf Garis Panduan Perancangan (GPP) Solar Negeri Pahang Bersama	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Perancang Bandar	Untuk maklumat dalam mengambilkira ulasan sesuatu

	Pihak Berkuasa Tempatan Dan Agensi Teknikal					kelulusan pembangunan sebelum pertimbangan kelulusan
42.	Bengkel Pemurnian Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan Am (KPPA) Negeri Pahang Bersama Pihak Berkuasa Tempatan Dan Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) Negeri Pahang	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Perancang Bandar		Untuk makluman dalam mengambilkira ulasan sesuatu pembangunan sebelum pertimbangan kelulusan
43.	Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Inisiatif Sempadan Hijau Negeri Pahang	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Undang-undang 2. Pen. Peg. Perancang Bandar		Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
44.	Bengkel Pelupusan Fail Dan Rekod Jabatan	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pem. Tadbir (P/O)		Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
45.	Program Libat Urus Pengurusan Rekod Sektor Awam : Pendigitalan Pengurusan Rekod Dan Pengurusan Bencana Rekod	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pem. Tadbir (P/O)		Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
46.	Seminar Pengurangan Risiko Geobencana Ke Arah Petempatan Berdaya Tahan	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Perancang Bandar		Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
47.	Kursus Pemantauan Kualiti Air Kolam Renang Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2022	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran 2. Pem. Kesihatan Awam		Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
48.	Taklimat Pengenalan Program Kemampanan Komuniti Bandar (PKKB)	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Perancang Bandar		Menambah ilmu dan memantapkan sahsiah diri pekerja
49.	Kursus Master Gardener Modul 06 – Pembajaan Pokok Ameniti, Pembajaan Kimia Dan Penyediaan Kompos/Bahan Organan	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pem. Awam		Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian
50.	Bengkel Pembangunan Dokumen Business Requirement Specification (BRS) Bagi Pelaksanaan Analitis Data Raya Negeri Pahang	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Peg. Teknologi Maklumat		Memantapkan keberkesanan perkhidmatan pelanggan

51.	Latihan Modul eLesen Siri 2	Pembangunan Modal Insan	Kursus	1. Pen. Peg. Teknologi Maklumat 2. Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran	Menambah ilmu dan memantapkan keberkesanan perkhidmatan pelanggan
52.	Sesi <i>Executive Talk: Cop 26 'Net Zero By 2030': Are The Landscape Architects Prepared? Dan The Marriage Of Landscape Architecture And Arboriculture</i>	Pembangunan Modal Insan	Kursus	Pen. Arkitek Landskap	Menambah ilmu dan boleh digunakan dalam kerja harian

## 5. PENUTUP

SPAN 2.0 adalah proses pengurusan nilai bersepadu merangkumi tiga (3) komponen utama iaitu Pengurusan Program Nilai, Pengauditan Nilai dan Intervensi Nilai secara terancang untuk memantapkan pembudayaan nilai di dalam Perkhidmatan Awam. Penekanan dalam amalan nilai murni melalui pengurusan amalan nilai yang komprehensif akan menyumbang kepada pemerkasaan pegawai awam, seterusnya peningkatan keupayaan mereka dalam penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, produktif dan berintegriti.

### LAPORAN PEMERIKSAAN KE ATAS PENGURUSAN KUTIPAN HASIL DAN BAYARAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN SISA DOMESTIK DI TANAH RANCANGAN FELDA WILAYAH JENGA DAN KAMPUNG TRADISIONAL

#### 1. LatarBelakang

- i. Pengauditan melibatkan pengurusan kutipan hasil dan bayaran perkhidmatan pengurusan sisa domestik di Felda Wilayah Jengka dan Kampung Tradisional bermula dari Mac 2020 sehingga Jun 2022.
- ii. Semakan dijalankan meliputi dua bidang utama iaitu prestasi aktiviti kutipan hasil dan bayaran serta pengurusan yang dilaksanakan.

#### 2. Penemuan Audit

##### 2.1 Prestasi Aktiviti Kutipan:

2.1.1 Pencapaian *outcome* dinilai berdasarkan pencapaian objektif kutipan dan bayaran seperti berikut:-

##### PENYATA KUTIPAN SEPANJANG MAC 2020 HINGGA JUN 2022

BIL	TAHUN	BIL. TONG	JUMLAH SEPATUT KUTIP (JAN-DIS)	BAYARAN YANG DITERIMA		TUNGGAKAN	BAYARAN KE AFES	PENDAPATAN BERSIH PATUT MDM TERIMA
				SEMASA	TUNGGAKAN			
1.	2020	59,616	RM835,586.00	RM565,585.00	-	RM270,001.00	RM763,084.80	RM72,501.20
2.	2021	105,047	RM1,473,310.00	RM1,278,835.00	RM194,204.00	RM270,272.00	RM1,344,601.60	RM128,708.40
3.	2022	53,431	RM749,596.00	RM664,712.00	RM189,414.00	RM165,742.00	RM683,916.80	RM65,679.20
<b>JUMLAH</b>		<b>218,094</b>	<b>RM3,058,492.00</b>	<b>RM2,509,132.00</b>	<b>RM383,618</b>	<b>RM165,742.00</b>	<b>RM2,791,603.20</b>	<b>RM266,888.80</b>
				<b>RM2,892,750.00</b>				

**\*NOTA****PENYATA BAYARAN MD MARAN KEPADA AFES**

BIL.	TAHUN	TERIMAAN	BAYARAN	BAKI
1.	2020	RM565,585.00	RM763,084.80	<b>(RM197,499.80)</b>
2.	2021	RM1,473,039.00	RM1,344,601.60	<b>(RM69,062.40)</b>
3.	2022	RM854,126.00	RM863,916.80	<b>RM101,146.80</b>

BIL.	TAHUN	TERIMAAN	BAYARAN	BAKI
1.	2020	RM565,585.00		<b>RM565,585.00</b>
			<b>RM763,084.80</b>	<b>(RM197,499.80)</b>
2.	2021	RM1,278,835.00		<b>RM1,275,539.20</b>
		RM194,204.00		
			<b>RM1,344,601.60</b>	<b>(RM69,062.40)</b>
3.	2022	RM664,712.00		<b>RM785,063.60</b>
		RM189,414.00		
			<b>RM683,916.80</b>	<b>RM101,146.80</b>

Nota: Maklumat bayaran ini adalah rekod yang di ambil pada 25hb Julai 2022 yang lalu berkemungkinan jabatan telah menerima bayaran bulanan yang terkini daripada agen kawasan.

**2.2 Pengurusan Kutipan hasil dan Bayaran:-**

2.2.1 Dinilai terhadap perjanjian bersama agen, pihak AFES dan lain-lain

**a. Semakan yang dijalankan mendapati:-**

Tahun	Bilangan kawasan	Penemuan audit
2020	37 kawasan	Tiada dokumen perjanjian disediakan bagi 7 kawasan iaitu:- <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Felda Jenka 23</li> <li>ii. Felda Jenka 25</li> <li>iii. FGV Ulu Jempol</li> <li>iv. Kilang Getah (F) Kg Awah</li> <li>v. FGV Jenka 18</li> <li>vi. FGV Jenka 3</li> <li>vii. FGV Jenka 8</li> </ul>
2021	39 kawasan	Tiada dokumen perjanjian disediakan bagi 9 kawasan iaitu:- <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Felda Jenka 23</li> <li>ii. Felda Jenka 25</li> <li>iii. FGV Ulu Jempol</li> <li>iv. Kilang Getah (F) Kg Awah</li> <li>v. FGV Jenka 18</li> <li>vi. FGV Jenka 3</li> <li>vii. FGV Jenka 8</li> <li>viii. Sg Kertam</li> <li>ix. RPSB Bukit Kening</li> </ul>

2022 (sehingga Mei 2022)	42 kawasan	Tiada dokumen perjanjian disediakan bagi 9 kawasan iaitu :-  i. Felda Jengka 23 ii. Felda Jengka 25 iii. FGV Ulu Jempol iv. Kilang Getah (F) Kg Awah v. FGV Jengka 18 vi. FGV Jengka 3 vii. FGV Jengka 8 viii. Sg Kertam ix. RPSB Bukit Kening x. Klinik Kesihatan Jengka 22 xi. FGV Jengka 21
--------------------------------	------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

## 2.2.2 Pengurusan kutipan hasil dari agen

- i. Semakan yang dijalankan mendapati, tuntutan yang dikeluarkan oleh AFES tidak sama dengan tuntutan yang dikeluarkan kepada Agen. Maklumat adalah seperti berikut:-

Kawasan	Bulan / Tahun	Tuntutan dan bayaran kepada AFES (RM)	Tuntutan MDM kpd Agen (RM)
Felda Jengka 1	Julai 2020	RM 4416.00 (345tong)	RM4606.00 (329tong)
	Ogos 2020	RM4,416.00 (345tong)	RM 4,816.00 (344(tong)
Felda Jengka 2	Mei 2021	RM3,404.80 (266tong)	RM3,668.00 (263tong)
Felda Jengka 3	Jun 2020	RM 3993.60 (312tong)	RM3,753.00 (263tong)

- ii. Terdapat Tuntutan yang dikeluarkan oleh MD Maran kepada Agen lewat dikemukakan. Berdasarkan dokumen perjanjian, tuntutan sepatutnya dikeluarkan pada dalam bulan tersebut atau sebelum 30hari bulan tersebut. Antaranya seperti berikut:-

Kawasan	Tarikh tuntutan dikeluarkan oleh MDM
Felda Jengka 21	11hb Ogos 2020 bagi tuntutan bulan Julai 2020
Felda Jengka 13	06hb Oktober 2020 tuntutan bulan September 2020
Felda Bukit Tajau	17hb Mac 2021 tuntutan Januari 2021

## 2.2.3 Pengurusan Bayaran kepada AFES

Semakan mendapati, pengesahan sebelum pembayaran dilaksanakan oleh Pen. Peg. Kesihatan Persekitaran U32. Namun semakan tersebut tidak dibuat bersama-sama dengan tuntutan yang dikemukakan oleh MD Maran kepada agen menyebabkan jumlah tuntutan daripada pihak AFES tidak sama dengan jumlah bayaran yang diterima daripada agen. Berdasarkan semakan, hanya Kampung Sentosa yang mempunyai maklumat bayaran bagi setiap bulan. Pihak kami mencadangkan supaya, agen bagi setiap kawasan membuat bayaran dan pelaporan kutipan secara terperinci kepada MD Maran bagi tujuan semakan dengan tuntutan yang dikemukakan oleh pihak AFES. Setiap agen juga perlu mengemukakan salinan resit bayaran yang diterima daripada

---

penduduk di setiap kawasan tersebut bagi tujuan rekod dan simpanan pihak Majlis.

#### 2.2.4 Tunggakan bayaran

Pihak kami turut dimaklumkan, pihak AFES telah membuat pemutihan data bersama-sama pihak MD Maran bagi bayaran tahun 2020 namun tiada bukti secara bertulis mengenai pemutihan bayaran tersebut. Berdasarkan semakan daripada Jabatan Perbendaharaan, MD Maran telah membuat bayaran berjumlah RM 763,084.80, dan bayaran yang diterima daripada agen hanya RM 566,080.00.

#### 2.2.5 No invois yang disediakan tidak berturut dan prosedur pembatalan invois yang dikeluarkan tidak dijalankan dengan betul

Pihak kami mendapati, nombor invois yang disediakan tidak berturut dan mengelirukan. Pihak kami turut mendapati prosedur pembatalan invois tidak dibuat dengan kaedah yang betul. (Lampiran B)

#### 2.2.6 Perkiraan bayaran tuntutan tidak betul.

Semakan yang dijalankan pada invois Mac 2020 dan April 2020 turut mendapati, pengiraan kuantiti tong tidak tepat dengan jumlah yang tertera pada invois. (Lampiran C)

#### 2.2.7 Tiada semakan dibuat keatas penyata individu kawasan yang disediakan oleh Pembantu Tadbir

Pihak kami mencadangkan supaya, semakan berkala ke atas penyata individu yang dibuat perlu dilaksanakan secara berkala bagi mengelakkan daripada berlakunya kesilapan dalam menerima bayaran dan membuat tuntutan.

#### 2.2.8 Surat Peringatan Bayaran tidak dikemukakan kepada agen

Semakan yang dijalankan turut mendapati, MD Maran hanya mengeluarkan invois tuntutan kepada agen namun tiada surat peringatan dikeluarkan. Pihak kami mencadangkan supaya MD Maran mengeluarkan surat peringatan kepada agen-agen kawasan yang lewat membuat pembayaran. Jabatan perlu melaksanakan sepertimana di dalam dokumen perjanjian iaitu Klausula 6 Pembayaran, perkara 6.3 dimana sekiranya gagal membuat bayaran melebihi 2 bulan berturut-turut, perkhidmatan boleh ditamatkan dengan serta merta.

### 3. Syor Audit

Pihak kami mencadangkan supaya kajian keberkesanan ke atas program ini perlu dibuat memandangkan pada 3 tahun ini bayaran yang diterima daripada agen tidak cukup untuk menampung bayaran yang telah dibuat kepada pihak AFES. MD Maran telah membuat bayaran kepada pihak AFES sepenuhnya berdasarkan pengesahan yang telah dibuat oleh PPKP U32 menyebabkan tiada hutang antara pihak MD Maran dan AFES. Namun, tunggakan daripada agen menyebabkan MD Maran tidak untung sepenuhnya dalam menjalankan program ini. Perkara ini terjadi disebabkan maklumat bayaran daripada pihak agen tidak diterima sepenuhnya bagi setiap bulan dan tuntutan yang dibuat oleh pihak MD Maran kepada

---

agen tidak sama dengan tuntutan yang dikemukakan oleh AFES. Justeru, adalah dicadangkan:-

- a. Kajian keberkesanan program ini dikaji dengan lebih terperinci
- b. Rekod-rekod perlu disediakan dengan teliti sepertimana yang telah dicadangkan iaitu penyata individu kawasan, penyata tuntutan dan bayaran daripada agen, ringkasan kutipan dan ringkasan bayaran berdasarkan terimaan yang diterima daripada agen dan bayaran yang telah dibuat kepada pihak AFES
- c. Semakan dan pengesahan perlu dibuat oleh Ketua Jabatan secara harian
- d. Laporan kutipan dan bayaran ini dibentangkan di dalam Mesyuarat Kewangan MD Maran secara berkala.
- e. Dokumen perjanjian di kemaskini dan dikaji tindakan-tindakan yang boleh dilaksanakan oleh pihak MD Maran sekiranya agen gagal membuat kutipan sepertimana yang dipersetujui di dalam perjanjian.
- f. Jabatan perlu mendapatkan maklumat bayaran daripada agen untuk setiap bulan bagi tujuan semakan bersama dengan penyata tuntutan daripada pihak AFES.

## **PEMERHATIAN AUDIT TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN PEMBELIAN TERUS BAGI TEMPOH JANUARI 2022 SEHINGGA JUN 2022**

### **1. LATAR BELAKANG**

- 1.1 Pengauditan Pengurusan Perolehan Pembelian Terus telah dilaksanakan bermula 19hb September 2022 sehingga 30hb November 2022 Melibatkan Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Kejuruteraan dan lain-lain jabatan yang berkaitan.
- 1.2 Pengauditan dijalankan selaras dengan Rancangan Audit Tahunan yang telah ditetapkan pada awal tahun bagi memastikan Tatacara Pengurusan Perolehan dipatuhi dan mengikut Garis Panduan yang telah ditetapkan.
- 1.3 Semakan yang dijalankan merangkumi dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - a. Perancangan Perolehan
  - b. Baucar bayaran
  - c. Buku Bajet tahun 2022
  - d. Daftar Aset
  - e. Fail-fail berkaitan
- 1.4 Pengauditan yang dijalankan adalah ke atas Perolehan Pembelian Terus untuk tempoh Januari hingga Jun 2022.

---

## 2. PENEMUAN AUDIT

### 2.1 Rekod bagi senarai jenis item yang dibeli, nama pembekal dan nilai perolehan telah disediakan namun tidak disalinkan kepada Pegawai Pengawal dan Unit Audit Dalam (UAD) bagi setiap 3 bulan.

Semakan audit yang dijalankan mendapati, rekod senarai pembelian telah disediakan namun ianya tidak disalinkan kepada Pegawai Pengawal dan Unit Audit Dalam bagi setiap 3 bulan.

(Rujukan Pekeliling: PK 2.1, Perkara 5, xvi, (d))

*"Unit Audit Dalam agensi bertanggungjawab memantau pelaksanaan perolehan secara pembelian terus dan perolehan selanjutnya bagi jenis item yang sama agar agensi mematuhi peraturan ini dan tidak memecah kecil perolehan. Satu rekod lengkap mengenai jenis item yang dibeli, nama pembekal dan nilai perolehan hendaklah disimpan oleh agensi dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal setiap tiga (3) bulan serta disalinkan kepada Unit Audit Dalam agensi."*

### 2.2 Perolehan perkhidmatan dan bekalan tidak dilaksanakan Proses Sebut Harga B

#### 2.2.1 Proses Sebut Harga B tidak dilaksanakan bagi perolehan perkhidmatan sewaan mesin Fotostate

- a. Semakan audit ke atas perolehan sewaan mesin fotostate pembekal Maju Copier Sales & Services mendapati, sehingga 27hb Jun 2022 jumlah bayaran sewaan mesin ini adalah berjumlah RM22,973.29 melibatkan 8 unit mesin fotostate telah melebihi had nilai perolehan pembelian terus. Had nilai Perolehan yang melebihi RM20,000.00 hingga RM50,000.00 setahun perlu menjalankan kaedah perolehan Sebut Harga B. Kaedah Perolehan Proses Sebut Harga B adalah seperti berikut :-
  - i. Tempoh notis 3 hari sahaja
  - ii. Melalui Jawatankuasa Penilaian sekurang-kurangnya 3 orang ahli
  - iii. Pelawaan sekurang-kurangnya 3 pembekal berdaftar
  - iv. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga tidak diperlukan. Penyebut harga boleh mengemukakan dokumen sebut harga terus kepada urusetia melalui surat, faks atau emel seperti ditetapkan oleh agensi; dan
  - v. Pegawai Pengawal boleh menubuhkan JKSH baharu untuk meluluskan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 yang dikenali sebagai JKSH 'B'; dan b. JKSH 'B' hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk pengerusi yang dilantik oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan.



(Rujukan Pekeliling: PK 2.1, 5, vi)

“Had nilai pembelian terus dan sebut harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sehingga RM50,000 seperti berikut:”

Bil	Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
i.	Sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak	<p>a. Dilaksanakan secara <u>pembelian terus</u> daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.</p> <p>b. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.</p>	Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan/ Pegawai Yang Diturunkan Kuasa
ii.	Melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak	<p>Dilaksanakan secara <u>sebut harga</u> mengikut tatacara sedia ada dengan kelonggaran seperti berikut:-</p> <p>a. Pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera;</p> <p>b. Tempoh notis dipendekkan kepada tiga (3) hari;</p> <p>c. Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga tidak diperlukan. Penyebut harga boleh mengemukakan dokumen sebut harga terus kepada urusetia melalui surat, faks atau emel seperti ditetapkan oleh agensi; dan</p> <p>d. Penilaian sebut harga oleh satu (1) Jawatankuasa Penilaian dianggotai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk pengerusi yang dilantik oleh Ketua Jabatan.</p>	<p>Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) seperti di dalam peraturan sedia ada;</p> <p>ATAU</p> <p>a. Pegawai Pengawal boleh menubuhkan JKSH baharu untuk meluluskan perolehan bekalan dan perkhidmatan melebihi RM20,000 sehingga RM50,000 yang dikenali sebagai JKSH 'B'; dan</p> <p>b. JKSH 'B' hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang termasuk pengerusi yang dilantik oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan.</p>

**b. Tiada dokumen perjanjian sewaan bagi 2 unit mesin fotostate yang ditempatkan di Unit Tempat Letak Kereta dan Jabatan Khidmat Pengurusan**

Semakan yang dijalankan ke atas Fail MDM/INV/046- Mesin Fotostate Ricoh mendapati 2 unit mesin tersebut yang ditempatkan di Unit Tempat Letak Kereta dan Jabatan Khidmat Pengurusan tidak mempunyai dokumen perjanjian sewaan.